

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 405-421

POLA PENDEDAHAN INTERNET DAN IMPAKNYA TERHADAP KEFAHAMAN ISLAM DI KALANGAN AHLI AKADEMIK DI UKM DAN USIM

ABD HADI BIN BORHAM
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ZULKIPLE BIN ABD GHANI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Abstrak

Kemudahan internet telah memberi kemudahan bagi masyarakat Islam dan bukan Islam di seluruh dunia dapat mempelajari, memahami dan mengenali Islam dengan mudah menerusi laman sesawang, blog, newsgroup, laman sosial dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kebanjiran maklumat Islam yang disediakan melalui internet boleh memberikan kesan yang signifikan terhadap golongan yang terdedah dengan maklumat khususnya ahli akademik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola pendedahan internet di kalangan ahli akademik dan impaknya dalam memahami aspek akidah, syariah dan akhlak. Seramai 206 ahli akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi responden. Kajian telah mendapati, pola pendedahan internet di kalangan responden adalah tinggi berdasarkan faktor demografi ahli akademik dan penggunaan internet. Dalam konteks memahami Islam, internet telah memberikan kesan yang sederhana terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak. Internet juga telah mendatangkan kesan yang signifikan terhadap penghayatan akhlak dan sikap dalam kehidupan beragama di kalangan responden. Dalam masa yang sama, kajian ini juga mendapati kebanjiran maklumat Islam atau fatwa online di internet telah memberi kesan tertentu terhadap institusi agama yang berautoriti seperti JAKIM, jabatan agama negeri (JAIN) dan lain-

lain. Ini menunjukkan internet merupakan medium yang penting bagi masyarakat muslim hari ini dalam konteks mendapatkan ilmu dan memahami tentang Islam. Namun ianya harus digunakan secara bijak kerana terdapat aspek-aspek yang boleh memberikan kesan negatif dalam kehidupan beragama masyarakat Islam.

Kata kunci: *Pendedahan Internet, impak, kefahaman Islam, ahli akademik, UKM dan USIM*

THE PATTERN OF INTERNET EXPOSURE AND ITS IMPACT TOWARDS UNDERSTANDING ISLAM AMONG ACADEMICIANS IN UKM AND USIM

Abstract

The internet has brought a new concept in communicating Islamic Da'wah. Through the internet, the process of learning and understanding of Islam becomes more convenient for Muslim and Non-Muslim throughout the world. However, due to the flooding of information on Islam through internet, it has caused some significant effect to certain groups who are over exposed to too much information, especially the academician. Thus, this research will attempt to examine the pattern of internet exposure and its impact towards the understanding of Islam among academician. For this purpose, 206 academicians from the National University of Malaysia (UKM) and Islamic Science University of Malaysia (USIM) were selected as respondents. Research showed that there is high exposure of internet among respondents based on the academician demography and internet usage. In the context of understanding of Islam, this research reveals that the internet has an average effect on the respondents with regards to the aspects of akidah and shari'ah issues. At the same time, there is significant effect brought by internet on the aspect of akhlak. Most respondents are optimistic towards the impact of websites and blogs that shared information related to Islam and religiosity. Research has also shown that flooding of Islamic information and online fatwas through internet has caused some effects among authoritative religious institute such as JAKIM and State Religious Departments. Nevertheless, the Internet has to be used cautiously and diligently as there are aspects which are able to bring about

negative effects to the life of the Islamic society.

Keyword: *Internet exposure, impacts, Islamic understanding, academician, UKM and USIM*

PENGENALAN

Pada tahun 2001, satu persidangan mengenai '*religion and internet*' telah diadakan di Universiti of Copenhagen di Denmark untuk membincangkan tentang pertembungan isu agama di internet. Perkara ini telah mendapat reaksi positif di kalangan pengkaji di seluruh dunia untuk mengkaji peranan internet kerana ianya mempunyai impak yang signifikan terhadap kehidupan beragama (Campbell 2005:1). Dalam konteks kajian internet dan Islam, perkara sama turut diulas oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Bunt, Sisler, Larsson dan lain-lain, kerana pelbagai maklumat Islam yang dibangunkan melalui laman sesawang, *blog*, *e-group*, *social network*, *newsgroup*, FAQ, *youtube* dan lain-lain, menjadi medium komunikasi terkini bagi seluruh masyarakat dunia untuk mengenali, memahami, mempelajari dan menghayati kesyumuluan ajaran Islam.

Kemunculan internet di dalam masyarakat dunia hari ini, menyaksikan tiada persoalan mengenai limitasi dalam berkomunikasi dan bermaklumat. Internet menyediakan pelbagai bentuk kegunaan dan maklumat seperti berinteraksi dari pelbagai hala, berbincang secara maya dan sebagainya. Capaian internet telah meluas dan diterima oleh seluruh masyarakat dunia termasuk di negara-negara Islam. Sikap proaktif masyarakat Islam terhadap kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat telah membuka landskap baru dalam metodologi dakwah di seluruh dunia. Menyampaikan risalah dakwah melalui internet merupakan kaedah yang telah digunakan oleh golongan pendakwah kini sama ada dalam bentuk individu ataupun kolektif. Komunikasi dakwah melalui internet juga dikatakan mempunyai kesan yang objektif terhadap sasaran di semua peringkat kelompok masyarakat untuk mengenali, mempelajari, memahami dan menghayati ajaran Islam. Pelbagai bentuk maklumat Islam mengenai akidah, syariah dan akhlak mudah untuk dicapai melalui laman sesawang, *e-mail*, *blog*, *newsgroup* dan *e-group* bersama rakan jaringan

Dalam menangani persekitaran ICT, keupayaan dalam menanggapi maklumat yang produktif adalah berkait langsung dengan persoalan epistemologi dan aksiologi ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai petunjuk manusia ke jalan yang benar. Garis panduan ini memberi ruang kepada akal manusia untuk menerokai persoalan maklumat berdasarkan pandangan '*al-hikmah*.' Walaupun sarjana Barat mengakui hal sedemikian (R. Mason 1995:51-54), namun ianya (*wisdom*) hanya merujuk kepada gabungan ilmu (*knowledge*) terhadap sistem masyarakat, budaya dan lebih berbentuk horizontal kerana tidak dihubungkan dengan aspek ketuhanan sepertimana *al-hikmah* yang dinyatakan

dalam Islam (Harun Yahya 2004:13-14). Ini menunjukkan *al-hikmah* merupakan matlamat utama dalam penerokaan maklumat dan ilmu, sekalipun ia diperolehi melalui internet (Mohd Fauzan Noordin 2003:102).

Dalam konteks ini, penerokaan maklumat Islam di internet dianggap sebagai salah satu cara mendapatkan maklumat secara mudah, pantas dan boleh diakses oleh seluruh masyarakat di dunia. Walau bagaimanapun, pelbagai maklumat Islam di internet yang telah diusahakan atau dibangunkan merentasi persoalan mazhab, ideologi, situasi politik, sosial dan ekonomi masyarakat. Bunt (2003) berpendapat terdapat penyebaran meluas maklumat berkaitan jihad, fatwa online dan persekitaran siber yang baru di kalangan umat Islam. Muncul pelbagai pihak sama ada individu atau organisasi yang mengendalikan laman sesawang berkaiatn Islam untuk mengetengahkan idea dan pemikiran mereka dalam pelbagai isu sehingga mauduk Islam menjadi “pasar” yang menjual pelbagai maklumat berbentuk teks, imej, audio dan visual. Sisler (2006) turut mendapati “kuasa memujuk” yang muncul hasil dari pelbagai fatwa yang dikeluarkan melalui kajian terhadap tiga laman sesawang utama iaitu www.fatwa-online.com, www.islamonline.com dan www.ijtihad.org.

Walaupun bersifat demikian, ia menjadi suatu keperluan yang signifikan bagi masyarakat Islam minoriti khususnya di Barat. Di atas dasar kekangan tinggal di negara bukan Islam, masyarakat Islam di Barat telah menggunakan internet sebagai saluran maklumat Islam dalam memahami tentang akidah, syariah dan akhlak. Dalam kajian oleh Brouwer (2004:1) yang bertajuk “*Ducth – Muslim on the Internet: A New Discussion Platform*” menjelaskan tentang penggunaan internet sebagai saluran maklumat Islam bagi masyarakat migran Muslim di Belanda. Begitu juga dengan kajian Simona Hlavacova (2007) yang bertajuk “*US based Islamic Networking: Presence in cyberspace and online project*” menyatakan bahawa individu atau organisasi yang menceburkan diri dalam gerakan Islam telah memanfaatkan internet dan teknologi informasi ini untuk tujuan mempromosi Islam. Ini adalah sebagai refleksi suasana yang tercetus sebagaimana yang disebutkan oleh Bunt. Larsson (2005) dalam melihat “*Sweden’s United Cyber Muslims (SFCM)*” di Sweden, mendapati faktor utama penggunaan internet di kalangan kumpulan diskusi ini adalah untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat tentang Islam. Ahli kumpulan SFCM juga telah berhubung dengan dunia Islam yang lain. Kajian Shirley et.al (2008:93) di Singapura mendapati kebanyakan orang Islam yang cenderung melayari internet telah mempunyai asas pengetahuan Islam. Mereka masih kurang yakin terhadap internet kerana ianya adalah produk saintifik Barat yang sering mengancam kepercayaan muslim. Manakala bagi masyarakat Islam majoriti seperti di Indonesia, mereka telah membangunkan komuniti blog yang aktif dalam gerakan dakwah maya iaitu *Indonesian Muslim Blogger’s (IMB)*. Ia diwujudkan dalam keadaan bukan formal dan memberi peluang untuk para pengunjung saling berinteraksi. Malah di kalangan ahli-ahli komuniti blog juga terdapat daripada golongan intelektual (Majalah *i* 2006:33).

Selain itu, kecenderungan sikap mendapatkan maklumat Islam di internet juga memberikan kesan yang tertentu, khususnya dalam perkara yang melibatkan pertimbangan agama dan moral. Kajian Kluver et al., mendapati majoriti responden bersetuju di internet boleh menjadi tempat untuk menghina agama lain kerana kemudahan bahan-bahan maklumat di internet yang banyak (<http://www.ntu.edu.sg/sci/sirc>). Kebanjiran maklumat Islam di internet juga dikaitkan dengan kemunculan kumpulan Islam liberal khususnya di Indonesia (Mohamad Ali, 2005), kecenderungan sikap menafsir isu-isu agama secara bebas dan logik semata-mata. Kajian Muslim Gunawan (2002: iv) mendapati sebahagian besar kemunculan Jaringan Islam Liberal di Indonesia disebabkan dengan kesan penggunaan internet. Kegiatan dan gerakan awal kumpulan ini dikenalpasti bermula dengan diskusi *cyber* yang tergabung dalam laman sesawang di alamat http://www.islamliberal_yahoo.com. Kemudian menyebarkan gagasan pemikirannya melalui laman sesawang <http://www.islamlib.com>. Fenomena ini secara tidak langsung menyebabkan autoriti pihak berkuasa agama yang terdiri dari ulama, agensi kerajaan dan badan-badan NGO Islam menjadi makin berkurangan (Sardar, 1993).

Selain itu, Azizah Hamzah (1998:100) menjelaskan ada kemungkinan ruang internet serta forum perbincangan elektronik turut menyediakan persekitaran berlakunya penyiaran yang tidak sah dan tepat. Maklumat ini tidak dinilai dan tidak diproses untuk kegunaan awam. Sebagai contoh, perluasan penguasaan teknologi maklumat telah menyebabkan penyalahgunaan maklumat yang berleluasa pada saat ini terutamanya dalam usaha mempengaruhi pemikiran masyarakat. Implikasi komunikasi yang banyak tumbuh dari falsafah Barat juga menyebabkan beberapa perkara-perkara yang bertentangan agama berleluasa. Hal ini tidak sahaja berlaku di negara-negara Islam, malahan di Barat perkara ini dibimbangi dan telah memaksa seorang wartawan Kyle Haselden menjelaskan pandangan dan penyelesaian Kristian terhadap ancaman moral dari pengaruh komunikasi (Fuad Hasan 1984:37-42).

Ini menunjukkan internet bermanfaat sebagai penyampai dan penyebar sumber maklumat khususnya kefahaman Islam, namun ianya bersifat meluas merentasi mazhab, idealogi, situasi politik, sosial dan ekonomi masyarakat setempat di negara kita. Maka terdapat kecenderungan mereka yang terdedah dan mendedahkan diri kepada sumber mengenai Islam di internet semakin tinggi sama ada melalui pencarian di laman sesawang, blog, laman sembang, e-groups dan lain-lain. Adalah dipercayai sebahagian mesej Islam di internet mempengaruhi kefahaman Islam khususnya di kalangan ahli akademik (Rahmah Hashim et al.; 1999 : 76, Mohd Taib Ariffin et al. 1999 : 235-237). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola pendedahan internet di kalangan ahli akademik, mengenal pasti impak internet dalam memahami aspek akidah, syariah dan akhlak; dan mengenal pasti sikap responden membuat keputusan dalam isu-isu agama di internet.

METOD KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas ahli akademik di UKM dan USIM. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola pendedahan maklumat Islam dan menganalisis kefahaman Islam yang diperolehi di internet, di kalangan ahli akademik di UKM dan USIM. Dengan menggunakan kaedah persampelan *snow balling*, sampel diperolehi melalui *e-mail*. Sebanyak 206 responden telah menjawab soal selidik di UKM dan USIM. Sebanyak 106 responden diperolehi di UKM dan 100 responden di USIM. Soal selidik yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dengan kaedah statistik bagi mempertimbang dan menghasilkan penerangan yang berhubung data agar makna yang berkaitan dapat diwujudkan serta dapat menerangkan satu-satu sifat yang dimiliki oleh sampel. Dapatan kajian telah dianalisis dengan perisian komputer (*software*) iaitu dengan perisian SPSS (*Statistical Package for the Science Social*). Data dianalisis secara deskriptif bagi melihat faktor kekerapan, min dan peratus.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati jumlah responden lelaki yang telah menjawab soal selidik seramai 82 orang (39.8 peratus), manakala responden perempuan seramai 124 orang (60.2 peratus). Dari segi umur, di dapati responden yang berumur 31-40 (44.7 peratus) dan 21-30 (28.6 peratus) dianggap pengguna yang tertinggi. Dari segi latarbelakang fakulti responden yang diperolehi di UKM, responden di Fakulti Sains Teknologi (FST) adalah tertinggi seramai 20 orang (18.9 peratus) responden. Manakala di USIM, responden dalam pengkhususan Pengajian Islam, dan Ekonomi dan Pengurusan yang tertinggi iaitu seramai 20 orang (19.4 peratus). Kebanyakan responden merupakan ahli akademik yang mempunyai ijazah di peringkat sarjana iaitu 112 orang (54.4 peratus), pensyarah 96 orang (46.6 peratus) dan ahli akademik yang mengajar kurang daripada lima tahun iaitu 90 orang (43.7 peratus). Ini menunjukkan penggunaan internet sudah meluas dan diterima semua peringkat responden sama ada aliran sains mahupun sastera.

POLA PENDEDAHAN INTERNET DI KALANGAN RESPONDEN

Hasil kajian mendapati tempoh jam yang tertinggi dalam melayari internet di kalangan responden ialah 1 hingga 3 jam (115 orang) dan 4 hingga 6 jam sehari (63 orang). Dari sudut tahap kemahiran menggunakan komputer dan internet pula, di dapati sejumlah 123 responden (59.7 peratus) adalah mahir dan 6 orang responden (2.9 peratus) ditahap kurang mahir, seperti ditunjukkan dalam Jadual 4. Ini menunjukkan tahap kemahiran menggunakan komputer dan internet di kalangan ahli akademik di UKM dan USIM adalah tinggi dan tergolong dalam kategori '*technophilia*' (Normah Mustaffa et. al 2003:183) disebabkan faktor budaya bekerja dan pendedahan semasa yang memerlukan penggunaan peralatan teknologi komunikasi dan maklumat.

Jadual 2: Tahap kemahiran menggunakan komputer dan internet

Kemahiran	Kekerapan	Peratus
Mahir	123	59.7
Kurang Mahir	6	2.9
Sederhana	77	37.4
Jumlah	206	100

Dari aspek sepuluh keutamaan jenis maklumat yang dikehendaki atau disukai oleh responden mendapati kebanyakan responden memilih ‘lain-lain’ (53.9 peratus) yang menunjukkan mereka masih lagi tidak terikat dengan jenis informasi yang dikemukakan oleh pengkaji dan responden lebih gemar menggunakan jenis informasi yang diinginkan atau dikehendaki secara umum dan secara langsung serta mempunyai manfaat atau *value* kepadanya. Keutamaan jenis maklumat yang kedua adalah sukan (36.4 peratus), ketiga adalah berita (34 peratus), keempat adalah hiburan (22.8 peratus), kelima adalah kesihatan (22.3 peratus), keenam adalah ekonomi (35 peratus) dan keagamaan (35 peratus), ketujuh pendidikan (13.1 peratus), kelapan politik (10.2 peratus) kesembilan penyelidikan (7.3 peratus).

Selain itu, seramai 77 orang responden (34.7 peratus) yang menyertai 1 hingga 3 *e-group* dan 116 orang responden (56.3 peratus) yang tidak menyertai apa-apa *egroup* di internet. Manakala sebahagian kecil sahaja responden yang mempunyai blog sendiri iaitu 17 orang (8.3 peratus). Ini menunjukkan selain menggunakan laman sesawang untuk mencari maklumat, kebanyakan responden juga menyertai *e-group* dan blog untuk mendapatkan maklumat sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Penyertaan Responden di Internet

Item	Kekerapan	Peratus
Menyertai <i>egroup</i> (laman sosial) di internet	1-3 <i>egroup</i>	77
	4-6 <i>egroup</i>	12
	7-10 <i>egroup</i>	1
	Tiada	116
Menjadi <i>blogger</i>	Ada	17
	Tiada	189

Dari sudut melayari laman sesawang atau blog berkaitan dengan Islam, mendapati sebanyak 155 alamat laman sesawang (website address) yang dicatat oleh semua responden dalam borang soal selidik (n=206). Laman sesawang <http://www.islam.gov.my> adalah laman yang paling kerap di layari kalangan responden (13 peratus). Kedua, laman sesawang <http://www.islamonline.net>, (10 peratus), ketiga, laman blog <http://saifulislam.blogspot.com> (6 peratus), dan keempat laman blog <http://www.zaharuddin.net> (4 peratus). Manakala laman sesawang atau blog lain yang dianggap agak kurang kerap dilayari dan mendapat tempat di kalangan responden ialah laman sesawang <http://www.islamicity.com>, <http://www.qaradawi.net>, <http://www.ilvislam.com>, <http://www.harunyahya.com>, <http://www.islam.com>, <http://www.islamicfinder.com>, <http://www.al-islam.com>, <http://www.islamway.com>, <http://www.quranexplorer.com>, dan <http://www.islamweb.com>. Ini menunjukkan kebanyakan responden masih melayari laman sesawang Islam yang dibangunkan oleh pihak yang berautoriti agama di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Badan Dakwah Bukan Kerajaan (NGO). Di samping itu, laman sesawang Islam atau laman sosial yang dibangunkan oleh pendakwah dari dalam dan luar negeri turut menjadi rujukan responden.

IMPAK INTERNET TERHADAP KEFAHAMAN ISLAM DI KALANGAN RESPONDEN

Aspek kefahaman Islam dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kefahaman akidah, syariah dan akhlak. Dalam konteks kefahaman akidah, hasil kajian menunjukkan purata min yang diperolehi di tahap sederhana iaitu 2.42 berdasarkan intepretasi skor min (2.33-3.66). Sebanyak 63 peratus daripada responden yang bersetuju internet memberi maklumat dalam memahami akidah, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 4. Dapatan ini menunjukkan tidak semua maklumat atau isu berkaitan akidah di internet dapat menambah kefahaman responden. Responden dilihat lebih mengambil sikap berhati-hati dalam menerima kefahaman tentang akidah di internet. Responden yang dianggap sebagai kelompok yang mempunyai kapasiti menyaring maklumat turut tidak bersetuju dengan keseluruhan maklumat-maklumat Islam yang disalurkan di internet. Ini disebabkan ruang bebas di internet boleh dimanipulasi oleh pihak tertentu atas tujuan memesongkan dan merosakkan kefahaman Islam seseorang.

Kajian Atta Abdul-Kahabeer (M.Galander 2000:11) mendapati terdapat banyak laman atau maklumat-maklumat di internet berbentuk propaganda atau dakyah Kristianiti yang mengaitkan Islam. Kebanyakan laman sesawang yang digunakan oleh Kristian mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Keadaan ini dilihat, gerakan Kristianiti telah memanipulasi segala sudut di internet untuk objektifnya. Misalnya di laman sesawang yang beralamat <http://www.answering-islam.com>, mendapati terdapat banyak perbincangan yang mencetuskan kekeliruan akidah Islam dalam aspek kenabian.

Jadual 4: Impak Internet Terhadap Kefahaman Akidah

Item	Kekerapan	Peratus	Min	S.P
1. Berkongsi dengan rakan jaringan dapat menambahkan kefahaman akidah Islam	69	63.3	2.38	1.16
2. Memahami ciri-ciri ajaran sesat di internet	72	66.1	2.41	1.16
3. Memahami ciri-ciri Islam liberal di internet	63	58	2.47	1.04
4. Memahami ciri-ciri fahaman sekular di internet	62	60	2.43	0.98
5. Memahami ciri-ciri ahli <i>sunnah wa al-jamaah</i> yang sebenar di internet	60	55	2.51	1.01
6. Memahami perkara-perkara <i>sam'iyat</i> di internet	61	56	2.55	1.05
7. Memahami perkara <i>khurafat</i> dan <i>syirik</i> di internet	75	69	2.34	0.99
8. Memahami kefahaman akidah yang benar dan yang menyeleweng di internet	60	55	2.58	1.11
9. Menambahkan keimanan saya dalam isu berkaitan dengan kenabian di internet	73	67	2.35	0.96
10. Memahami melakukan larangan yang ditegah Allah boleh menyebabkan rosak akidah	83	76	2.16	1.05

Dalam konteks kefahaman syariah di internet, hasil kajian menunjukkan purata min yang diperolehi di tahap sederhana iaitu 2.64 berdasarkan intepretasi skor min (2.33-3.66). Sejumlah 51peratus daripada responden yang bersetuju maklumat yang berkaitan syariah dan ibadah. Perkara yang melibatkan dengan kefahaman ibadah khusus dan teknikal menunjukkan tahap peratus yang agak tinggi. Contohnya dalam memahami tentang solat (59 peratus), puasa (62 peratus), zakat (67 peratus), fatwa (60 peratus), isu jihad (60 peratus), isu kewangan (52 peratus), dan isu politik Islam (61 peratus), sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 5. Responden dilihat lebih cenderung menggunakan internet dalam memahami perkara yang berkaitan isu-isu dalam ibadah dan muamalah. Walaupun demikian, dapatan ini menggambarkan responden masih mengambil sikap berhati-hati dalam memahami persoalan tersebut.

Ini disebabkan terdapat banyak laman sesawang yang memberi kefahaman berkaitan ibadah di internet. Namun tidak dinafikan terdapat laman sesawang atau laman sosial yang memberi interpetasi isu syariah berdasarkan kepentingan mazhab yang diikuti, kepentingan politik, ada yang menginterpretasi berdasarkan

fahaman pluralisme dan liberalisme agama, dan ada yang intepretasi yang menggelirukan bagi menarik pengguna mengikut agamanya (missionari). Sisler (2007:1-2) menyatakan masyarakat Muslim minoriti di Barat telah menggunakan internet untuk mendapatkan fatwa-fatwa terkini berdasarkan realiti kehidupan yang dihadapi. Lazimnya mufti dilantik oleh sesuatu wilayah ataupun dilantik secara tidak rasmi berdasarkan kelayakan yang mesti ada untuk jawatan mufti. Tetapi di internet fatwa-fatwa yang dikeluarkan tidak diketahui mengenai autoriti mufti tersebut.

Satu dapatan yang agak menarik diperolehi dari kajian ini iaitu tentang kecenderungan responden mengakses kefahaman Islam yang bersifat teknikal, melibatkan kiraan dan penjelasan khusus seperti zakat, kaedah farāid, tajwid dan sebagainya. Terdapat laman sesawang yang memberikan kemudahan untuk memahami isu-isu teknikal dalam syariah seperti <http://www.e-zakat.com>, <http://www.tabunghaji.gov.my>, <http://www.youtube.com/quran>, <http://www.al-islam.com> dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan responden mempunyai kecenderungan untuk mengakses laman sesawang yang menyediakan kemudahan khusus dalam masalah yang berkaitan zakat, pembahagian harta pusaka, teknik ibadah umrah dan haji, bacaan Quran dan lain-lain. Sebanyak 67 peratus bersetuju internet dapat membantu memahami tentang kaedah zakat, 30.3 peratus bersetuju laman sesawang berbentuk *cyberpilgrimage* membantu meningkatkan kefahaman haji dan umrah; dan 32.1 peratus bersetuju internet membantu meningkatkan bacaan al-Quran dan tajwid

Jadual 5: Impak Internet Terhadap Kefahaman Syariah Atau Ibadah

Item	Kekerapan	Peratus	Min	S.P
1. Membantu memahami tentang solat di internet	64	59	2.55	1.10
2. Membantu memahami tentang isu puasa di internet	68	62	2.52	1.09
3. Membantu memahami tentang zakat serta kiraan zakat pendapatan di internet	73	67	2.34	1.10
4. Laman <i>cyberpilgrimage</i> membantu kefahaman tentang haji dan umrah	33	30	2.94	0.93
5. Laman <i>e-fatwa</i> membantu memahami perkara berkaitan halal dan haram.	65	60	2.48	0.97
6. Membantu memahami tentang isu jihad di internet	65	60	2.41	0.97
7. Membantu memahami serta meningkatkan kaedah pembacaan al-Quran dan tajwid di internet	35	32	3.00	1.14
8. Membantu memahami tentang isu keluarga Islam di internet	26	24	3.24	1.15

9. Membantu serta memahami tentang berijtihad dalam isu kewangan atau perbankan di internet	57	52	2.60	0.98
10. Membantu memahami tentang isu politik Islam di internet	66	61	2.40	1.06

Dalam konteks kefahaman akhlak di internet, hasil kajian menunjukkan purata min yang diperolehi di tahap sederhana iaitu 2.64 berdasarkan intepretasi skor min (2.33-3.66). Nilai min ini juga dianggap sederhana tinggi kerana ianya masih dipengaruhi persoalan berkaitan akhlak dan isu negatif yang berlaku dikalangan masyarakat Islam hari ini. Sebanyak 68 peratus daripada responden yang bersetuju maklumat Islam di internet membantu mereka dalam memahami aspek akhlak, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 6. Dapatan ini menunjukkan responden masih berpegang kuat dengan akhlak sekalipun di dalam alam siber.

Menariknya kajian ini mendapati sejumlah 72 peratus daripada responden bersetuju kemudahan internet telah membangunkan semangat tolong menolong melalui *e-donation*, *e-charity* dan sebagainya. Ia dianggapkan sebagai kemudahan untuk menderma dan memberi sumbangan kepada individu yang kurang bernasib baik di dalam dan luar negeri. Melalui kemudahan internet, sumbangan dapat disalurkan dengan pantas. Ini bertepatan kajian Shirle S.Ho (2008:105) menunjukkan 11.7 peratus masyarakat Muslim di Singapura memberikan sumbangan di internet untuk tujuan kebajikan.

Jadual 6: Impak Internet Terhadap Penghayatan Akhlak

Item	Kekerapan	Peratus	Min	S.P
1. Membantu meningkatkan kefahaman tentang sifat-sifat <i>mahmudah</i> dan <i>mazmumah</i> di internet	73	67	2.36	1.04
2. Membantu memahami tentang tanggungjawab <i>amar makruf nahi mungkar</i> di internet	80	73	2.21	1.03
3. Membantu memahami segala gerak geri dan perbuatan manusia sentiasa dilihat Allah	72	66	2.34	1.14
4. Membantu menjadi seorang yang pemaaf dalam kehidupan harian	63	58	2.42	1.05
5. Membantu memahami tentang isu dalam sikap beramanah di internet	76	68	2.27	1.04
6. Membantu memahami tentang hukum haram dalam akhlak di internet	63	58	2.44	1.09
7. Membantu meningkatkan sikap tolong menolong terhadap orang yang memerlukan di internet, contohnya <i>e-donation</i>	78	72	2.24	1.05

8. Membantu untuk mencontohi dan serta mengamalkan sunnah Rasulullah s.a.w.	83	76	2.19	1.10
9. Membantu untuk menghindari daripada melakukan perkara-perkara yang haram semasa melayari internet	76	70	2.26	1.10

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa internet telah memberikan impak sederhana terhadap kefahaman akidah dan syariah kepada responden berdasarkan interpretasi skor min (2.34-3.66). Keputusan ini memberi gambaran bahawa responden masih lagi menggunakan dan mempercayai media tradisional dalam memahami Islam. Ini bertepatan dengan kajian Zulkiple Abd Ghani et al., (2008:1) yang mendapati pendedahan dalam isu-isu Islam di internet masih ditahap rendah kerana di kalangan responden lebih bergantung kepada sumber tradisional. Dalam hal ini, sikap responden dilihat masih berhati-hati dalam memahami Islam melalui laman sesawang di internet. Responden yang dianggap sebagai kelompok yang mempunyai kapasiti menyaring maklumat turut tidak bersetuju dengan keseluruhan maklumat-maklumat Islam yang disalurkan di internet. Ini disebabkan ruang bebas di internet boleh dimanipulasi atas tujuan memesongkan dan merosakkan kefahaman Islam seseorang.

IMPAK INTERNET TERHADAP SIKAP RESPONDEN DALAM KEHIDUPAN BERAGAMA

Kehidupan beragama merujuk kepada penghayatan Islam dalam konteks kehidupan individu, keluarga dan masyarakat. Hasil kajian menunjukkan purata min yang diperolehi di tahap sederhana iaitu 3.00 berdasarkan intepretasi skor min (2.33-3.66). Nilai min ini juga dianggap sederhana tinggi kerana ianya masih dipengaruhi persoalan impak penggunaan internet secara positif dan negatif dikalangan responden. Kajian ini juga mendapati responden di USIM lebih cenderung merujuk maklumat Islam di internet sebagai keutamaan berbanding responden UKM. Sejumlah 45 peratus daripada responden yang bersetuju di atas kecenderungan untuk mendapatkan maklumat Islam di internet boleh menambah kefahaman serta penghayatan. Keadaan ini dilihat bahawa responden bersikap optimis terhadap maklumat Islam di internet. Walaupun demikian, kebanyakan responden masih bersikap berhati-hati menjadikan medium internet dalam memahami Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam Jadual 7.

Ini bertepatan dengan kajian Shirley et.al (2008:93) di Singapura mengenai '*Muslim surfers on the internet: using the theory of planned behaviour to examine the factors influencing engagement in online religious activities*' mendapati orang Islam yang cenderung melayari internet untuk tujuan aktiviti online adalah mereka yang telah mempunyai asas pengetahuan Islam. Selain itu, masyarakat Islam di Singapura masih kurang yakin terhadap internet kerana ianya adalah produk saintifik Barat yang sering mengancam kepercayaan muslim.

**Jadual 7: Impak Internet Terhadap Sikap dan Kehidupan
Beragama Responden**

Item	Kekerapan	Peratus	Min	S.P
1. Internet telah memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan kefahaman Islam saya	82	72	2.13	0.87
2. Saya bersetuju dengan semua laman sesawang Islam/blog yang menyediakan fatwa-fatwa terkini secara langsung di internet	59	54	2.57	1.03
3. Saya akan berkongsi maklumat dengan isteri, anak-anak dan rakan-rakan tentang pengetahuan Islam yang diperolehi di internet.	83	76	2.12	0.79
4. Saya telah mengesyorkan dan menggalakkan isteri dan anak-anak untuk memanfaatkan internet dalam meningkatkan ilmu agama	58	53	2.62	1.01
5. Internet telah mengurangkan hubungan komunikasi saya dengan keluarga dan masyarakat setempat	16	15	3.83	1.09
6. Internet telah menyediakan ruang kepada saya untuk berinteraksi dengan pengguna yang berlainan jantina secara bebas	31	28	3.31	1.15
7. Saya sering melayari laman sesawang yang bertentangan dengan ajaran Islam	10	9	4.00	1.02
8. Saya percaya info Islam di internet memberikan kesan yang positif dalam menyediakan rujukan pengetahuan Islam kepada generasi akan datang	82	75	2.18	1.12
9. Maklumat atau fatwa Islam di laman sesawang menjadikan saya kurang yakin terhadap pihak berkuasa agama seperti JAKIM/ Jabatan Agama	18	17	3.47	1.01
10. Sekiranya timbul masalah yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan akhlak, saya akan merujuk laman sesawang di internet terlebih dahulu sebelum bertanya kepada ustaz/ustazah/ mereka yang lebih arif.	52	48	2.86	1.23

Di samping itu, Jadual 7 turut menunjukkan internet masih memberi kesan yang sedikit terhadap autoriti pihak berkuasa agama. Sebanyak 17 peratus daripada responden bersetuju kebanjiran maklumat Islam menjadikan sikap kurang yakin terhadap pihak autoriti agama. Ini menunjukkan internet telah menjadi sebahagian keperluan saluran dikalangan responden dalam membantu untuk memahami berkaitan Islam. Kebanyakan responden juga masih memberi keyakinan terhadap maklumat-maklumat Islam daripada pihak yang berautoriti agama di Malaysia dan pendedahan maklumat Islam di internet

tidak mengurangkan keyakinan mereka. Dalam masa yang sama, 48 peratus daripada responden mempunyai kecenderungan merujuk di internet berbanding cara tradisional dalam menyelesaikan masalah agama. Walaupun belum dilihat memberi kesan tertentu kepada pihak berautoriti agama di Malaysia, namun penggunaan maklumat Islam yang tinggi di internet serba sedikit menjejaskan peranan pihak tersebut. Sisler (2006:5-6) menyatakan terdapat sebahagian autoriti pihak agama yang memberi pengiktirafan kepada sesuatu fatwa dalam konteks fatwa *online* yang sering digunakan oleh minoriti Islam di Barat. Misalnya, Graf (2007:413-414) mendapati laman sesawang <http://www.islamonline.net>, menyediakan bank fatwa dan pertanyaan (*ask the scholar*), fatwa langsung (fatwa *online*) dari Sheikh Yusof al-Qaradhawi. Sehingga akhir 2006, sebanyak 1,392 fatwa langsung telah dijalankan dalam bahasa Arab dan 885 dijalankan dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan fatwa di internet mendapat tempat yang tinggi di kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan internet telah memberikan kesan yang sederhana kepada sikap dan kehidupan beragama responden. Ini menggambarkan bahawa responden masih melihat kemudahan internet hanya untuk keadaan tertentu seperti transaksi dan kemudahan dalam pekerjaan. Manakala dalam mengkases maklumat Islam, ia serba sedikit memberikan kesan positif dalam kehidupan beragama, tetapi masih beranggapan perlu merujuk kepada sumber tradisional seperti guru, ulama dan lain-lain.

KESIMPULAN

Penemuan kajian di atas mendapati pola pendedahan yang tinggi di kalangan golongan yang 'terdedah' dan 'mendedahkan diri' terhadap maklumat di internet, khususnya ahli akademik di institut pengajian tinggi. Dalam kajian ini, pola pendedahan maklumat Islam di kalangan responden (n=206) adalah tinggi disebabkan faktor pendidikan, kerjaya dan keperluan semasa. Laman sesawang <http://www.islam.gov.my> merupakan laman sesawang yang dikerap dilayari oleh responden dalam membantu memahami berkaitan ajaran Islam. Hasil kajian juga mendapati internet telah memberikan impak yang sederhana di kalangan responden dalam aspek kefahaman akidah dan syariah atau ibadah. Internet juga telah memberikan impak sederhana tinggi di kalangan responden dalam aspek penghayatan akhlak. Responden mempunyai sikap yang optimistik serta boleh menerima maklumat-maklumat Islam di internet sebagai kemudahan untuk memahami Islam. Ini menunjukkan responden menerima internet sebagai saluran memahami dalam Islam, namun kebanyakan mereka masih mengambil sikap berhati-hati kerana sumber agama yang banyak di ruang maya kadangkalanya meragukan. Disebabkan itu, responden lebih suka merujuk sumber agama di laman sesawang yang dibangunkan oleh pihak berautoriti agama. Walau bagaimanapun kebanjiran maklumat Islam dan sikap masyarakat yang mula merujuk maklumat Islam di internet, serba sedikit boleh mengurangkan autoriti pihak berkuasa agama di masa akan datang. Dapatan ini menunjukkan internet

merupakan suatu medium penting dalam dakwah masa kini untuk mendapatkan ilmu dan memahami Islam khususnya kepada golongan yang terdedah seperti ahli akademik dan sebagainya. Oleh itu, pihak berwajib haruslah menekankan aspek akidah dan nilai yang kuat dalam penggunaan internet di kalangan masyarakat Islam melalui matapelajaran seperti '*Akidah dan Teknologi Maklumat*' di peringkat sekolah. Selain itu, keperluan mewujudkan satu akta khusus berkaitan dengan internet bagi tindakan kesalahan jenayah siber yang boleh mengancam agama Islam dengan terma '*kebebasan*' dirujuk berdasarkan perspektif agama rasmi persekutuan, budaya dan nilai masyarakat di Malaysia selain itu, keperluan fatwa *online* secara langsung di laman sesawang pihak berkuasa agama yang berautoriti seperti JAKIM, Jabatan Agama Negeri (JAIN) dan lain-lain, bagi memberi penjelasan tentang kekeliruan di kalangan masyarakat Islam dalam konteks mazhab Syafie di Malaysia.

BIODATA PENULIS

Abd Hadi bin Borham adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda (B.A) dan Sarjana (M.A) dalam Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau kini sedang melanjutkan di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Dakwah dan Pembangunan Insan di Universiti Malaya. abdhadiborham@gmail.com.

Zulkiple bin Abd Ghani adalah professor di Jabatan Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Beliau merupakan bekas pensyarah di Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) di University of Edinburgh, Scotland. Bidang kepakaran beliau ialah komunikasi dan media dakwah.

RUJUKAN

- Adnan Hussein & Kamariah Hj. Siarap. 2000. Penggunaan Teknologi Komunikasi Informasi di kalangan Ahli Akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 16 (1) : 119-130.
- Azizah Hamzah. 1998. Pertumbuhan Masyarakat Digital: Perkembangan Baru Dalam Perusahaan Kebudayaan dan Kesan-Kesan Terhadap Corak Kehidupan. *Journal of The Faculty of Art and Social Sciences University of Malaya*. Jil 15.
- Brouwer, Lenie. 2004. Dutch Muslim On the Internet: A New Discussion Platform. *Journal of Muslim Affairs*. Vol. 24 No.1.
- Bunt, Gary. R. 1999. islam@britain.net: 'British Muslim' Identities in Cyberspace. *Islam and Christian – Muslim Relations*. Vol.10 No.3.
- Bunt, Gary. R. 2003. *Islam in Digital Age. E-Jihad, Online Fatwas and Cyber Environments*. London: Pluto Press.
- Fuad Hasan. 1984. Adat dan Pegangan Hidup Masyarakat Timur Tergugat. *Sasaran*. Jun, hlm.37-42.
- Harun Yahya. 2004. *True Wisdom Described in the Quran*. New Delhi: Goodword Book.
- Heidi Campbell. 2005. Spiritualising the Internet Uncovering Discourse and Narrative of Religious Internet Usage. *Heidelberg Journal of Religions on the Internet*. –Online.
- Hlavacova, Simona. 2007. US-based Islamist Network: Presence in Cyberspace and Online Projects, *Masaryk University Journal of Law and Technology*. Vol. 1, No. 2.
- G.Larsson. 2005. The Death of Virtual Muslim Discussion Group: Issues and Methods in Analysing Religion on the Net, *Heidelberg Journal of Religions on the Internet*. –Online, bil. 1, no. 1.
- Graf, Betinna, Sheikh Yusuf al-Qaradawi in Cyberspace, *Dei Welt des Islams*, bil. 47, no. 3.
- Mason, Richard O. Et al.1995. *Ethics of Information Management*. London: SAGE Publications.
- Mohamad Fauzan Noordin. 2003. Wisdom: The Missing Dimension in Information and Communication Technology (ICT). *The American Journal of Islamic Social Science*. Vol. 20. No 3&4.
- Mohammad Ali. 2005. The Rise of the Liberal Islam network (JIL) in Contemporary Islam Indonesia. *American Journal Islamic Social Saince*, vol 22. no.1.
- Mohd Taib Ariffin et al. 1999. Pola Penggunaan Dan Penedahan Internet Di Kalangan Ahli Masyarakat. *Prosiding Seminar Penyelidikan komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.

- Muslim Gunawan. 2002. Metodologi Ijtihad Versi Islam Liberal: Suatu Analisa Atas Metodologi Ijtihad Jaringan Islam Liberal (JIL) Di Indonesia. Disertasi sarjana. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Rahmah Hashim et al., 1999. Difusi Internet Di Kalangan Pengguna Awal Di Lembah Klang: Beberapa Penemuan Awal. *Prosiding Seminar Penyelidikan komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Sardar, Ziauddin. 1993. Paper, Printing and Compact Disk: The Making and Unmaking of Islamic Culture. *Media, culture and society*, vol.15 no.1.
- Shirley et.al. 2008. Muslim Surfers on the Internet: Using the Theory of Planned Behaviour to Examine the Factors Influencing Engagement in Online Religious Activities. *New Media & Society*. Vol 10 (1) 93-113.
- Sisler, Vit. 2006. Islamic Jurisprudence in Cyberspace: Construction of Interpretative Authority in Muslim Diaspora. *Cyberspace 2005 Conference Proceedings*, Ed. Polčák, R., Škop, M., Šmahel D., (Brno: Masaryk University).
- Zulkiple Abd Ghani & Nurulwidyamirza. 2008. Pendedahan Internet di kalangan Intelektual Melayu Serta Pengaruhnya Terhadap Isu-Isu Fiqh di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat UKM. Kertas Kerja *Seminar Pengajian Islam USM*.

